



2 Jun 2014
2 June 2014
P.U. (A) 148

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG
(PELESENAN PERKONGSIAN ANTARABANGSA DAN
FIRMA GUAMAN ASING BERKELAYAKAN DAN
PENDAFTARAN PEGUAM ASING) 2014

*LEGAL PROFESSION (LICENSING OF INTERNATIONAL
PARTNERSHIPS AND QUALIFIED FOREIGN LAW FIRMS
AND REGISTRATION OF FOREIGN LAWYERS) RULES 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG (PELESENAN PERKONGSIAN
ANTARABANGSA DAN FIRMA GUAMAN ASING BERKELAYAKAN DAN PENDAFTARAN
PEGUAM ASING) 2014

SUSUNAN KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Bidang amalan yang dibenarkan
3. Lesen perkongsian antarabangsa
4. Lesen firma guaman asing berkelayakan
5. Lesen untuk mengambil peguam asing
6. Pendaftaran peguam asing untuk menjalankan amalan dalam perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia
7. Kelakuan profesional dan etika
8. Kelakuan profesional, etika dan publisiti perniagaan
9. Akaun
10. Daftar
11. Pengecualian
12. Kuasa untuk mendapatkan maklumat, dsb.
13. Borang
14. Fi

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG (PELESENAN PERKONGSIAN ANTARABANGSA DAN FIRMA GUAMAN ASING BERKELAYAKAN DAN PENDAFTARAN PEGUAM ASING) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 400 Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Majlis Peguam, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah **Profesion Undang-Undang (Pelesenan Perkongsian Antarabangsa dan Firma Guaman Asing Berkelayakan dan Pendaftaran Peguam Asing) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 3 Jun 2014.

Bidang amalan yang dibenarkan

2. (1) Bidang amalan yang dibenarkan berkenaan dengan suatu perkongsian antarabangsa, suatu firma guaman asing berkelayakan dan seorang peguam asing diambil bekerja oleh firma guaman Malaysia hendaklah dikawal selia kerja oleh undang-undang Malaysia dan sekurang-kurangnya satu lagi undang-undang negara, atau dikawal selia semata-mata oleh mana-mana undang-undang selain daripada undang-undang Malaysia dengan syarat bahawa dalam hal firma guaman asing berkelayakan, aspek kerja yang dikawal selia oleh undang-undang Malaysia hendaklah dijalankan dengan seorang atau lebih peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya yang memegang sijil amalan yang sah.

(2) Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, menambah, mengurangkan atau mengubah suai bidang amalan yang dibenarkan yang disebut dalam subkaedah (1) sebagaimana yang difikirkan sesuai.

(3) Tiada apa-apa dalam Kaedah-Kaedah ini boleh membenarkan suatu perkongsian antarabangsa, suatu firma guaman asing berkelayakan atau seorang

peguam asing yang diambil bekerja oleh firma guaman Malaysia untuk memberi apa-apa perkhidmatan guaman dalam bidang amalan yang berikut:

- (a) undang-undang perlembagaan dan pentadbiran;
- (b) pemindahan hak;
- (c) undang-undang jenayah;
- (d) undang-undang keluarga;
- (e) undang-undang pewarisan, termasuk hal yang berhubungan dengan wasiat, pewarisan harta tidak berwasiat dan probet dan pentadbiran;
- (f) undang-undang amanah, dalam mana-mana hal jika pemberi amanah ialah seorang individu, dan undang-undang yang berhubungan dengan amal dan yayasan amanah, sama ada ditubuhkan oleh seorang individu atau suatu perbadanan;
- (g) perbankan runcit, termasuk pinjaman korporat atau perniagaan kepada perusahaan kecil dan sederhana;
- (h) pendaftaran harta intelek;
- (i) hadir atau mengemukakan pliding dalam mana-mana mahkamah keadilan di Malaysia, mewakili klien dalam mana-mana prosiding yang dimulakan dalam mahkamah sedemikian atau memberi nasihat, sama ada tujuan utamanya ialah untuk menasihati klien dalam mengendalikan prosiding sedemikian atau tidak, kecuali jika kehadiran, pliding, perwakilan atau nasihat sedemikian adalah selainnya dibenarkan di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini atau

mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan

- (j) hadir dalam mana-mana perbicaraan di hadapan sebuah badan kuasi kehakiman atau kawal selia, pihak berkuasa atau tribunal di Malaysia, kecuali jika kehadiran sedemikian adalah selainnya dibenarkan di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Lesen perkongsian antarabangsa

3. (1) Suatu permohonan bagi lesen perkongsian antarabangsa hendaklah dibuat dalam Borang A.

(2) Jika nama yang dicadangkan untuk perkongsian antarabangsa merupakan suatu kombinasi nama firma guaman Malaysia dan firma guaman asing, ia hendaklah diluluskan melainkan nama itu disifatkan tidak sesuai oleh Majlis Peguam.

(3) Tertakluk kepada syor Jawatankuasa Pemilihan, tiada lesen akan diberikan melainkan kedua-dua firma guaman asing dan firma guaman Malaysia memenuhi syarat yang berikut:

- (a) mereka mempunyai reputasi yang baik;
- (b) mereka tidak tertakluk kepada apa-apa prosiding disiplin dalam mana-mana bidang kuasa dan tidak pernah sebelum ini diambil prosiding disiplin untuk mana-mana kesalahan disiplin;
- (c) mereka tidak menjadi pihak kepada apa-apa prosiding jenayah atau sivil yang boleh menjurus kepada prosiding disiplin diambil terhadap mereka dalam mana-mana bidang kuasa;
- (d) mereka tidak dilarang daripada menjalankan perniagaan masing-masing dalam mana-mana bidang kuasa dan tidak

tertakluk kepada apa-apa syarat khusus dalam menjalankan amalan undang-undang akibat daripada apa-apa prosiding jenayah atau sivil terhadap mereka dalam mana-mana bidang kuasa;

- (e) firma guaman asing dan firma guaman Malaysia, pada pendapat Majlis Peguam, mempunyai kepakaran dan pengalaman guaman yang berkaitan dalam bidang amalan yang dibenarkan;
- (f) firma guaman asing hendaklah memastikan bahawa bilangan peguam asing dalam perkongsian antarabangsa, yang bermastautin di Malaysia selama tidak kurang daripada seratus lapan puluh dua hari dalam mana-mana tahun kalendar hendaklah tidak kurang daripada jumlah yang ditentukan oleh Majlis Peguam dalam perundingan dengan Jawatankuasa Pemilihan, dalam mana-mana kes tertentu;
- (g) pemilikan ekuiti dan hak mengundi firma guaman Malaysia dan firma guaman asing dalam perkongsian antarabangsa hendaklah sebagaimana ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan;
- (h) firma guaman asing dan firma guaman Malaysia telah membuat perjanjian bertulis untuk menyertai dan menguruskan bersama perkongsian antarabangsa dan mengemukakan satu salinan perjanjian sedemikian kepada Majlis Peguam dan membuat aku janji bahawa tiada pengubahsuaian material akan dibuat kepada perjanjian itu tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Majlis Peguam;
- (i) perkongsian antarabangsa itu hendaklah menyelenggara polisi insurans tanggung rugi profesional mengikut seksyen 78A Akta; dan

(j) firma guaman asing dan firma guaman Malaysia secara bersama mengemukakan suatu rancangan yang memuaskan kepada Majlis Peguam yang menjelaskan rancangan perniagaan perkongsian antarabangsa yang hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana rancangan untuk pemindahan teknologi dan kepakaran yang bersesuaian dalam bidang amalan yang dibenarkan dan cadangan sumbangan mereka terhadap pertumbuhan dan pembangunan perkhidmatan pasaran guaman Malaysia, serta pelaksanaan rancangan itu dan membuat aku janji bahawa tiada pengubahsuaian material akan dibuat kepada rancangan itu tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Majlis Peguam.

(4) Syarat yang disebut dalam subkaedah (3) hendaklah terus terpakai selagi perkongsian antarabangsa itu dilesenkan.

(5) Apabila kelulusan diberi untuk permohonan yang disebut dalam subkaedah (1), Majlis Peguam hendaklah, setelah menerima fi yang ditetapkan, mengeluarkan suatu lesen dalam Borang D.

(6) Perkongsian antarabangsa hendaklah, dalam tempoh tiga bulan selepas tamat setiap tempoh dua belas bulan bermula dari tarikh pengeluaran lesen, mengemukakan kepada Majlis Peguam suatu laporan tahunan prestasinya.

(7) Laporan tahunan yang disebut dalam subkaedah (6) hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis Peguam dari semasa ke semasa, termasuk apa-apa rekod perakaunan perkongsian antarabangsa.

(8) Pelesenan suatu perkongsian antarabangsa tidak akan mempengaruhi amalan firma guaman Malaysia yang berhak untuk meneruskan amalannya seolah-olah lesen perkongsian antarabangsa tidak diberikan.

(9) Lesen perkongsian antarabangsa hendaklah sah untuk suatu tempoh permulaan selama tiga tahun, melainkan dibatalkan lebih awal.

(10) Majlis Peguam boleh, setelah menerima permohonan secara bertulis dan bayaran fi yang ditetapkan, membaharui lesen perkongsian antarabangsa tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan.

Lesen firma guaman asing berkeelayakan

4. (1) Permohonan untuk lesen firma guaman asing berkeelayakan boleh dibuat dalam Borang B.

(2) Tertakluk kepada syor Jawatankuasa Pemilihan, tiada lesen akan diberikan melainkan firma guaman asing dapat memenuhi syarat yang berikut:

- (a) ia mempunyai reputasi yang baik;
- (b) ia tidak tertakluk kepada apa-apa prosiding disiplin dalam mana-mana bidang kuasa dan tidak pernah sebelum ini diambil prosiding disiplin untuk mana-mana kesalahan disiplin;
- (c) ia tidak menjadi pihak kepada mana-mana prosiding jenayah atau sivil yang boleh menjurus kepada prosiding disiplin diambil terhadap firma dalam mana-mana bidang kuasa;
- (d) ia tidak dilarang daripada menjalankan perniagaan dalam mana-mana bidang kuasa dan tidak tertakluk kepada mana-mana syarat khusus dalam menjalankan amalan undang-undang akibat daripada apa-apa keputusan prosiding jenayah atau sivil terhadapnya oleh mana-mana bidang kuasa;

- (e) firma guaman asing itu, pada pendapat Majlis Peguam, mempunyai kepakaran dan pengalaman guaman yang berkaitan dalam bidang amalan yang dibenarkan;
- (f) firma guaman asing hendaklah memastikan bahawa bilangan peguam asing dalam firma guaman asing berkeelayakan, yang bermastautin di Malaysia selama tidak kurang daripada seratus lapan puluh dua hari dalam mana-mana tahun kalendar hendaklah tidak kurang daripada jumlah yang ditentukan oleh Majlis Peguam dalam perundingan dengan Jawatankuasa Pemilihan, dalam mana-mana kes tertentu;
- (g) bilangan peguam Malaysia dalam firma guaman asing berkeelayakan di Malaysia hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan;
- (h) firma guaman asing berkeelayakan hendaklah menyelenggara polisi insurans tanggung rugi profesional mengikut seksyen 78A Akta; dan
- (i) firma guaman asing hendaklah mengemukakan suatu rancangan yang memuaskan kepada Majlis Peguam yang menjelaskan rancangan perniagaan firma guaman asing berkeelayakan itu yang hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana rancangan untuk pemindahan teknologi dan kepakaran yang bersesuaian dalam bidang amalan yang dibenarkan dan cadangan sumbangannya terhadap pertumbuhan dan pembangunan perkhidmatan pasaran guaman Malaysia, serta pelaksanaan rancangan itu dan membuat aku janji bahawa tiada pengubahsuaian material akan dibuat kepada rancangan itu tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Majlis Peguam.

(3) Syarat yang disebut dalam subkaedah (2) hendaklah terus terpakai selagi firma guaman asing berkelayakan itu dilesenkan.

(4) Apabila kelulusan diberi untuk permohonan yang disebut dalam subkaedah (1), Majlis Peguam hendaklah, setelah menerima fi yang ditetapkan, mengeluarkan suatu lesen dalam Borang E.

(5) Firma guaman asing berkelayakan hendaklah, dalam tempoh tiga bulan selepas tamat setiap tempoh dua belas bulan bermula dari tarikh pengeluaran lesen, mengemukakan kepada Majlis Peguam suatu laporan tahunan prestasinya.

(6) Laporan tahunan yang disebut dalam subkaedah (5) hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis Peguam dari semasa ke semasa, termasuk apa-apa rekod perakaunan firma guaman asing berkelayakan.

(7) Lesen firma guaman asing berkelayakan hendaklah sah untuk suatu tempoh permulaan selama tiga tahun, melainkan dibatalkan lebih awal.

(8) Majlis Peguam boleh, setelah menerima permohonan secara bertulis dan bayaran fi yang ditetapkan, membaharui lesen firma guaman asing berkelayakan tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan.

Lesen untuk mengambil peguam asing

5. (1) Permohonan lesen untuk mengambil seorang peguam asing untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan dalam firma guaman Malaysia hendaklah dibuat dalam Borang C.

(2) Bilangan peguam asing yang boleh diambil bekerja oleh firma guaman Malaysia berlesen hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

(3) Apabila kelulusan diberi untuk permohonan yang disebut dalam subkaedah (1), Majlis Peguam hendaklah, setelah menerima fi yang ditetapkan, mengeluarkan suatu lesen dalam Borang F.

(4) Firma guaman Malaysia hendaklah, dalam tempoh tiga bulan selepas penghujung setiap tempoh dua belas bulan tarikh pengeluaran lesen, mengemukakan kepada Majlis Peguam suatu laporan tahunan prestasi peguam asing yang diambil bekerja oleh firma guaman Malaysia itu.

(5) Laporan tahunan yang disebut dalam subkaedah (4) hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Majlis Peguam dari semasa ke semasa, termasuk apa-apa rekod perakaunan firma guaman Malaysia berkaitan dengan peguam asing selain daripada rekod akaun klien mereka.

(6) Lesen untuk mengambil seorang peguam asing untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan dalam firma guaman Malaysia hendaklah sah untuk suatu tempoh permulaan selama tiga tahun, melainkan dibatalkan lebih awal.

(7) Majlis Peguam boleh, setelah menerima permohonan secara bertulis dan bayaran fi yang ditetapkan, membaharui lesen untuk mengambil seorang peguam asing untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan dalam firma guaman Malaysia tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan.

Pendaftaran peguam asing untuk menjalankan amalan dalam perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia

6. (1) Permohonan oleh seorang peguam asing untuk didaftarkan bagi menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan dalam suatu perkongsian antarabangsa, suatu firma guaman asing berkelayakan atau suatu firma guaman Malaysia, sama ada sebagai seorang pengarah, rakan kongsi atau pekerja, hendaklah dibuat dalam Borang G.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), permohonan itu hendaklah diiringi oleh sijil dan perakuan seperti yang dinyatakan dalam lampiran kepada Borang G.

(3) Tertakluk kepada syor Jawatankuasa Pemilihan, tiada pendaftaran akan dibenarkan melainkan peguam asing itu:

- (a) mempunyai perwatakan yang baik;
- (b) telah diterima masuk untuk menjalankan amalan undang-undang dalam mana-mana bidang kuasa yang diiktiraf;
- (c) tidak tertakluk kepada apa-apa prosiding disiplin dalam mana-mana bidang kuasa dan tidak pernah sebelum ini diambil prosiding disiplin untuk apa-apa kesalahan disiplin;
- (d) tidak menjadi pihak kepada mana-mana prosiding jenayah atau sivil yang boleh menjurus kepada prosiding disiplin diambil terhadapnya dalam mana-mana bidang kuasa;
- (e) tidak dilarang daripada menjalankan amalan undang-undang dalam mana-mana bidang kuasa dan tidak tertakluk kepada apa-apa syarat khusus dalam menjalankan amalan undang-undang akibat daripada apa-apa prosiding jenayah atau sivil terhadapnya dalam mana-mana bidang kuasa;
- (f) mempunyai kepakaran atau pengalaman yang berkaitan dalam bidang amalan yang dibenarkan; dan
- (g) telah menghadiri kursus pendidikan atau ajaran sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis Peguam.

(4) Dalam menentukan sama ada hendak mengesyorkan atau tidak permohonan yang disebut dalam subkaedah (1), Jawatankuasa Pemilihan hendaklah mengambil kira faktor-faktor tertentu, termasuk sama ada—

- (a) terdapat cukup bilangan peguam Malaysia yang mahir dalam bidang amalan yang dibenarkan pada masa permohonan itu; dan
- (b) kemasukan peguam asing yang berkenaan akan menyumbang kepada pembangunan bidang amalan yang dibenarkan di Malaysia dan menjadi kepentingan terbaik bagi profesion guaman di Malaysia dan orang ramai.

(5) Bagi maksud menentukan sama ada seorang peguam asing memenuhi syarat mempunyai tempoh kepakaran atau pengalaman guaman yang berkenaan di bawah perenggan (3)(f), apa-apa tempoh yang digunakan untuk menghadiri apa-apa kursus atau pengajian pasca siswazah atau dalam berkhidmat untuk apa-apa artikel atau tempoh pelatihan atau latihan yang serupa hendaklah tidak diambil kira.

(6) Seorang peguam asing yang didaftarkan untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan yang berkenaan hendaklah pada setiap masa terus memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subkaedah (3).

(7) Apabila kelulusan diberi untuk permohonan yang disebut dalam subkaedah (1), Majlis Peguam hendaklah, setelah menerima fi yang ditetapkan, mengeluarkan suatu sijil pendaftaran dalam Borang H kepada pemohon.

(8) Sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subkaedah (7) hendaklah sah untuk tempoh dua belas bulan dari tarikh dikeluarkan melainkan dibatalkan lebih awal.

(9) Majlis Peguam boleh, setelah menerima permohonan secara bertulis dan bayaran fi yang ditetapkan, membaharui pendaftaran seorang peguam asing tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan.

(10) Tiada peguam asing didaftarkan untuk menjalankan amalan yang dibenarkan yang berkenaan boleh menjalankan amalan selain daripada sebagai seorang pekerja, seorang rakan kongsi atau seorang pengarah yang memegang ekuiti jika firma guaman asing ialah sebuah perbadanan ditubuhkan dengan sewajarnya untuk tujuan mengamalkan undang-undang sebagai suatu perkongsian antarabangsa, suatu firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia.

Kelakuan profesional dan etika

7. Kaedah-Kaedah dan Perintah yang berikut yang berhubungan dengan kelakuan profesional dan etika hendaklah, setakat mana berkaitan dan dengan pengubahsuaian yang perlu, terpakai kepada seorang peguam asing yang didaftarkan untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan yang berkenaan:

- (a) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Etiket) 1978 [P.U. (A) 369/1978];
- (b) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Liabiliti Profesional) (Insurans) 1992 [P.U. (A) 237/1992];
- (c) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Disiplin) (Rayuan) 1994 [P.U. (A) 190/1994];
- (d) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Publisiti) 2001 [P.U. (A) 345/2001];
- (e) Kaedah-Kaedah Prosedur Peguam Bela dan Peguam Cara (Penyiasatan Disiplin) 1970 [P.U. (A) 232/1970];
- (f) Kaedah-Kaedah Tabung Pampasan Peguam Bela dan Peguam Cara 1978 [P.U. (A) 370/1978];
- (g) Kaedah-Kaedah Akaun Peguam Cara 1990 [P.U. (A) 301/1990];

- (h) Kaedah-Kaedah Laporan Akauntan 1990 [*P.U. (A) 302/1990*];
- (i) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Disiplin) (Tribunal Penyasatan dan Jawatankuasa Disiplin) 1994 [*P.U. (A) 189/1994*];
- (j) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Lembaga Disiplin) (Prosedur) 1994 [*P.U. (A) 191/1994*];
- (k) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Tabung Disiplin) 1994 [*P.U. (A) 249/1994*];
- (l) Perintah Saraan Peguam Cara 2005 [*P.U. (A) 520/2005*];
- (m) Perintah Saraan Peguam Cara (Perdagangan Kewangan Pelbagai Mata Wang dan Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung) 2006 [*P.U. (A) 146/2006*]; dan
- (n) peraturan, keputusan dan arahan lain Majlis Peguam yang seumpamanya yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Kelakuan profesional, etika dan publisiti perniagaan

8. Kaedah-Kaedah dan Perintah yang berikut yang berhubungan dengan kelakuan profesional, etika dan publisiti perniagaan hendaklah, setakat mana berkaitan dan dengan pengubahsuaian yang perlu, terpakai kepada suatu perkongsian antarabangsa dan suatu firma guaman asing berkelayakan:

- (a) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Etiket) 1978 [*P.U. (A) 369/1978*];
- (b) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Liabiliti Profesional) (Insurans) 1992 [*P.U. (A) 237/1992*];

- (c) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Disiplin) (Rayuan) 1994 [*P.U. (A) 190/1994*];
- (d) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Publisiti) 2001 [*P.U. (A) 345/2001*];
- (e) Kaedah-Kaedah Prosedur Peguam Bela dan Peguam Cara (Penyiasatan Disiplin) 1970 [*P.U. (A) 232/1970*];
- (f) Kaedah-Kaedah Tabung Pampasan Peguam Bela dan Peguam Cara 1978 [*P.U. (A) 370/1978*];
- (g) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Disiplin) (Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Disiplin) 1994 [*P.U. (A) 189/1994*];
- (h) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Lembaga Disiplin) (Prosedur) 1994 [*P.U. (A) 191/1994*];
- (i) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Tabung Disiplin) 1994 [*P.U. (A) 249/1994*];
- (j) Perintah Saraan Peguam Cara 2005 [*P.U. (A) 520/2005*];
- (k) Perintah Saraan Peguam Bela (Perdagangan Kewangan Pelbagai Mata Wang dan Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung) 2006 [*P.U. (A) 146/2006*]; dan
- (l) peraturan, keputusan dan arahan lain Majlis Peguam yang seumpamanya yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Akaun

9. Kaedah yang berikut yang berhubungan dengan penyimpanan akaun oleh peguam cara hendaklah, setakat mana berkaitan dan dengan pengubahsuaian yang perlu, terpakai kepada suatu perkongsian antarabangsa dan suatu firma guaman asing berkeelayakan:

- (a) Kaedah-Kaedah Akaun Peguam Cara (Faedah Deposit) 1990 [P.U. (A) 303/1990];
- (b) Kaedah-Kaedah Akaun Peguam Cara 1990 [P.U. (A) 301/1990];
- (c) Kaedah-Kaedah Laporan Akauntan 1990 [P.U. (A) 302/1990]; dan
- (d) peraturan, keputusan dan arahan lain Majlis Peguam yang seumpamanya, yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Daftar

10. (1) Majlis Peguam hendaklah menyimpan dalam bentuk dan cara yang difikirkannya sesuai suatu daftar—

- (a) perkongsian antarabangsa berlesen;
- (b) firma guaman asing berkeelayakan berlesen;
- (c) firma guaman Malaysia yang diberi lesen untuk mengambil bekerja peguam asing di bawah seksyen 40H Akta;
- (d) peguam asing berdaftar yang menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan; dan
- (e) peguam Malaysia yang menjalankan amalan dalam suatu perkongsian antarabangsa berlesen dan firma guaman asing berkeelayakan berlesen.

(2) Daftar itu hendaklah, atas permohonan dan pembayaran fi yang ditetapkan, dibuka untuk pemeriksaan dalam bentuk dan cara dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Majlis Peguam.

(3) Setiap perkongsian antarabangsa berlesen dan firma guaman asing berkelayakan berlesen hendaklah memaklumkan kepada Majlis Peguam secara bertulis berkenaan apa-apa perubahan dalam mana-mana butiran yang berikut dalam tempoh tujuh hari perubahan sedemikian:

- (a) nama perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan;
- (b) alamat perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan;
- (c) nombor telefon dan nombor faksimili, alamat e-mel dan laman web perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan;
- (d) bilangan rakyat Malaysia dan peguam asing bekerja dalam perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan;
- (e) nama, kewarganegaraan dan jawatan mana-mana peguam asing yang bekerja dalam perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan; dan
- (f) jumlah tahun pengalaman undang-undang mana-mana peguam asing yang bekerja dalam suatu perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan.

(4) Setiap firma guaman Malaysia hendaklah memaklumkan Majlis Peguam secara bertulis apa-apa perubahan pada nama, kewarganegaraan dan jawatan mana-mana peguam asing yang bekerja di firma guaman Malaysia.

(5) Majlis Peguam boleh—

(a) membetulkan apa-apa kesilapan dalam daftar;

(b) membuat apa-apa pindaan yang perlu kepada daftar akibat apa-apa perubahan keadaan atau butiran atau sebagaimana diberi kuasa di bawah mana-mana peruntukan Akta atau Kaedah-Kaedah ini; dan

(c) atas permintaan mana-mana perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau peguam asing, mengeluarkan nama perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau peguam asing daripada daftar.

(6) Majlis Peguam boleh, atas permohonan oleh mana-mana perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau peguam asing, dan pembayaran fi yang ditetapkan, meminda suatu lesen atau sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Pengecualian

11. Majlis Peguam boleh, atas permohonan mana-mana perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau peguam asing, mengecualikan perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau peguam asing itu dari mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mengubah suai pemakaian mana-mana peruntukan itu.

Kuasa untuk mendapatkan maklumat, dsb.

12. Bagi maksud menentukan sama ada apa-apa peruntukan Akta atau Kaedah-Kaedah ini atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini telah dipatuhi, Majlis Peguam boleh menghendaki mana-mana perkongsian antarabangsa berlesen, firma guaman asing berkeelayakan berlesen, firma guaman asing atau firma guaman Malaysia yang membentuk atau bercadang untuk membentuk suatu perkongsian antarabangsa, atau suatu firma guaman asing berkeelayakan atau mana-mana peguam asing memberikan sebarang dokumen, butiran atau maklumat berkaitan atau yang berhubungan dengan—

- (a) operasi perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkeelayakan atau berhubungan dengan atau berkaitan dengan mana-mana peguam asing;
- (b) permohonan untuk pendaftaran peguam asing bagi menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan yang relevan; atau
- (c) permohonan lesen suatu perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkeelayakan dalam menjalankan perniagaan masing-masing.

Borang

13. (1) Borang yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

- (2) Borang boleh diubah suai dari semasa ke semasa oleh Majlis Peguam.

Fi

14. Bayaran yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan tidak boleh dikembalikan.

JADUAL PERTAMA
[Kaedah 13]

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976
(Seksyen 40F)

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG (PELESENAN PERKONGSIAN
ANTARABANGSA DAN FIRMA GUAMAN ASING BERKELAYAKAN DAN PENDAFTARAN
PEGUAM ASING) 2014
[Kaedah 3]

BORANG A

PERMOHONAN LESEN UNTUK PERKONGSIAN ANTARABANGSA

Jika anda memerlukan bantuan untuk mengisi atau menyerahkan borang permohonan ini, sila rujuk nota panduan yang disediakan dalam kit permohonan ini.

BAHAGIAN A - Permohonan Lesen untuk Perkongsian Antarabangsa

(1) Butiran Firma Guaman Malaysia:

(a) Nama firma guaman Malaysia:

.....

(b) Struktur organisasi: Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Lain-lain (sila nyatakan):

.....

(c) Alamat pejabat induk:

.....

.....

.....

(d) No. telefon:

(e) No. faks:

(f) E-mel:

(g) Laman web:

(h) Bidang amalan yang dibenarkan:

.....
.....
.....

(2) Butiran Firma Guaman Asing:

(a) Nama firma guaman asing:

.....
.....

(b) Struktur organisasi: Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Lain-lain (sila nyatakan):

.....

(c) Alamat surat-menyurat pejabat induk:

.....
.....
.....

(d) No. telefon:

(e) No. faks:

(f) E-mel:

(g) Laman Web:

(h) Bidang amalan yang dibenarkan:

.....
.....
.....

(i) Bil. pejabat: Bidang kuasa tempatan:

Luar negara:

(j) Bil. rakan kongsi: Bidang kuasa tempatan:

Luar negara:

(k) Senaraikan dalam lampiran yang berasingan, butiran semua Rakan Kongsi dalam firma guaman asing (pejabat bidang kuasa tempatan dan luar negara):

Bil.	Nama Rakan Kongsi	Bar/Persatuan Undang-Undang & Nombor Pendaftaran	Alamat Pejabat
1.			
2.			
3.			
4.			

(l) Adakah firma guaman asing mempunyai polisi insurans tanggung rugi menyeluruh yang sah dan masih laku?

Ya (sertakan butirannya di bawah)

Tidak

Jumlah yang diinsuranskan

.....

.....

.....

(Salinan polisi insurans disertakan)

(3) Maklumat Perkongsian Antarabangsa yang Dicadangkan

(a) Nama Perkongsian Antarabangsa yang dicadangkan:

.....

.....

(b) Tarikh penubuhan yang dihasratkan:

(c) Alamat yang dicadangkan:

.....
.....
.....

(d) No. telefon:

(e) No. faks:

(f) E-mel:

(g) Cadangan bidang amalan yang dibenarkan:

.....
.....

(h) Jumlah tahun pengalaman dalam bidang amalan yang dibenarkan (firma Malaysia):

.....

(i) Jumlah tahun pengalaman dalam bidang amalan yang dibenarkan (firma asing):

.....

(j) Peratusan pemilikan ekuiti tempatan dalam Perkongsian Antarabangsa:

(k) Peratusan pemilikan ekuiti asing dalam Perkongsian Antarabangsa:

(l) Nama rakan kongsi ekuiti asing yang akan bermastautin di Malaysia tidak kurang daripada 182 hari bagi setiap tahun kalendar:

I.

II.

III.

- (m) Senaraikan butiran semua peguam asing yang dicadangkan dalam Perkongsian Antarabangsa (termasuk mereka yang disebut di perkara 3(l) di atas):

Catatan: Sila pastikan permohonan untuk mendaftarkan peguam asing untuk menjalankan amalan dalam Perkongsian Antarabangsa disertakan untuk setiap peguam yang dinyatakan dalam jadual di bawah

Bil.	Nama Peguam Asing	Jawatan	Bar/Persatuan Undang-Undang & Nombor Pendaftaran
1.			
2.			
3.			
4.			

- (n) Senaraikan butiran semua peguam Malaysia yang dicadangkan dalam Perkongsian Antarabangsa:

Catatan: Sila pastikan vitae kurikulum disertakan untuk setiap peguam yang dinyatakan dalam jadual di bawah

Bil.	Nama Peguam Malaysia	Jawatan	No. Majlis Peguam
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			

- (o) Nyatakan bilangan permohonan pendaftaran berasingan untuk mendaftarkan setiap peguam asing yang dicadangkan dalam Perkongsian Antarabangsa yang juga disertakan dengan permohonan ini:
-

- (p) Nyatakan bilangan vitae kurikulum berasingan untuk setiap peguam Malaysia yang dicadangkan dalam Perkongsian Antarabangsa yang juga disertakan dengan permohonan ini:

.....

(4) Butiran Prosiding Disiplin Terhadap Firma Guaman Malaysia

- (a) Adakah mana-mana peguam firma ini pernah dikenakan prosiding disiplin dalam mana-mana bidang kuasa dalam tempoh 5 tahun lepas?

Ya (sertakan butirannya di bawah)

Tidak

.....

.....

.....

(Salinan perintah disiplin disertakan secara berasingan)

- (b) Adakah firma menjadi pihak kepada apa-apa prosiding jenayah atau sivil yang mungkin menyebabkan prosiding disiplin boleh diambil terhadap firma dalam mana-mana bidang kuasa?

Ya (sertakan butirannya di bawah)

Tidak

.....

.....

.....

(Salinan dokumen yang berkenaan disertakan secara berasingan)

- (c) Adakah firma dilarang menjalankan urusan dalam mana-mana bidang kuasa atau adakah peguam asing tertakluk kepada apa-apa syarat/sekatan untuk mengamalkan undang-undang akibat daripada apa-apa prosiding jenayah atau sivil yang dibuat terhadapnya dalam mana-mana bidang kuasa?

Ya (sertakan butirannya di bawah) Tidak

.....

.....

.....

(Salinan perintah mahkamah disertakan secara berasingan)

(5) Butiran Prosiding Disiplin Terhadap Firma Guaman Asing

- (a) Adakah mana-mana peguam firma ini pernah dikenakan prosiding disiplin dalam mana-mana bidang kuasa dalam tempoh 5 tahun lepas?

Ya (sertakan butirannya di bawah) Tidak

.....

.....

(Salinan perintah disiplin disertakan secara berasingan)

- (b) Adakah firma menjadi pihak kepada apa-apa prosiding jenayah atau sivil yang mungkin menyebabkan prosiding disiplin boleh diambil terhadap firma dalam mana-mana bidang kuasa?

Ya (sertakan butirannya di bawah) Tidak

.....

.....

.....

(Salinan dokumen yang berkenaan disertakan secara berasingan)

(c) Adakah firma dilarang menjalankan urusan di mana-mana bidang kuasa atau firma tertakluk kepada apa-apa syarat/sekatan untuk mengamalkan undang-undang akibat daripada mana-mana prosiding jenayah atau sivil yang dibuat terhadapnya oleh mana-mana bidang kuasa?

Ya (berikan butirannya di bawah)

Tidak

.....
.....
.....

(Salinan perintah mahkamah disertakan secara berasingan)

(6) Pemohon bagi pihak Firma Guaman Malaysia

(a) Encik/Cik/Lain-lain (sila nyatakan):

(b) Nama penuh (seperti yang dinyatakan dalam kad pengenalan) (sila gariskan nama keluarga/nama akhir):
.....

(c) Tarikh lahir:

(d) No. kad pengenalan:

(e) No. Majlis Peguam:

(f) Jawatan: Pemilik Tunggal/Rakan Kongsi Pengurusan/Rakan Kongsi/Lain-lain (sila nyatakan):
.....

(g) Alamat surat-menyurat:
.....
.....
.....

(h) No. telefon:

(i) No. faks :

(j) E-mel :

(7) Pemohon bagi pihak firma guaman asing

(a) Encik/Cik/Lain-lain (sila nyatakan):

(b) Nama penuh (seperti yang dinyatakan dalam pasport) (sila gariskan nama keluarga/nama akhir):

.....

(c) Tarikh lahir:

(d) No. pasport:

(e) Kewarganegaraan:

(f) Nombor pendaftaran Bar/Persatuan Undang-Undang Asing:

(g) Jawatan: Pemilik Tunggal/Rakan Kongsi Pengurusan/Rakan Kongsi/Lain-lain (sila nyatakan):

(h) Alamat surat-menyurat:

.....

.....

.....

(i) No. telefon:

(j) No. faks :

(k) E-mel :

BAHAGIAN B – Akuan Berkanun Bersama

PERMOHONAN LESEN UNTUK PERKONGSIAN ANTARABANGSA

1. Kami
 (nama) (No. kad pengenalan) untuk dan bagi pihak firma guaman
 Malaysia dan
 (nama)
 (no. passport) untuk dan bagi pihak firma guaman asing
 dengan ini memohon
 lesen untuk suatu perkongsian antarabangsa di bawah peruntukan Akta Profesion
 Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

2. Kami mengakui bahawa semua maklumat yang kami berikan dalam permohonan
 ini adalah tepat dan lengkap berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan kami yang
 terbaik, selepas membuat semua penyiasatan yang wajar dan perlu, dan jika
 permohonan ini diluluskan, kami mengaku janji untuk mematuhi semua kaedah-kaedah
 yang berkenaan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] dan
 mematuhi semua syarat (jika ada) yang dinyatakan di dalam lesen perkongsian
 antarabangsa.

.....
 NAMA DALAM KAD PENGENALAN:
 TARIKH:

.....
 NAMA DALAM PASPORT:
 TARIKH:

Disahkan oleh)

Di)

..... hari 2014)

.....
 DI HADAPAN SAYA /
 PESURUHJAYA SUMPAH /
 NOTARI AWAM

SENARAI SEMAK DOKUMEN

Bil.	Dokumen	Huraian	Semak
1.	Borang Permohonan	Seksyen A Seksyen B: Akuan Berkanun Bersama	
2.	Kad Pengenalan/Pasport	Salinan kad pengenalan pemohon bagi pihak firma undang-undang di Malaysia. Salinan pasport pemohon bagi pihak firma guaman asing.	
3.	Firma Guaman Asing	Lampiran tambahan (jika ada) yang memberi butiran semua rakan kongsi di firma guaman asing yang dirujuk dalam perkara 2(j) borang permohonan (Bil. muka surat:)	
4.	Butiran peguam asing yang dicadangkan dalam Perkongsian Antarabangsa	Lampiran tambahan (jika ada) yang memberi butiran semua peguam asing dalam Perkongsian Antarabangsa yang dirujuk dalam perkara 3(m) borang permohonan (Bil. muka surat:)	
5.	Permohonan pendaftaran peguam asing	Permohonan pendaftaran berasingan bagi setiap peguam asing untuk menjalankan amalan dalam Perkongsian Antarabangsa perlu dilampirkan dengan borang permohonan (Bil. permohonan:)	
6.	Butiran peguam Malaysia yang dicadangkan dalam Perkongsian Antarabangsa	Lampiran tambahan (jika ada) yang memberi butiran semua peguam Malaysia dalam Perkongsian Antarabangsa, yang dirujuk dalam perkara 3(n) borang permohonan (Bil. muka surat:)	
7.	Vitae kurikulum peguam Malaysia	Vitae kurikulum secara berasingan untuk setiap peguam Malaysia yang akan menjalankan amalan dalam Perkongsian Antarabangsa perlu dilampirkan dengan borang permohonan utama (lihat nota panduan 10)	

8.	Hal-hal disiplin – firma guaman Malaysia	Lampiran tambahan berkaitan dengan perkara 4 dalam borang permohonan (Bil. dokumen:)	
9.	Hal-hal disiplin – firma guaman asing	Lampiran tambahan berkaitan dengan perkara 5 dalam borang permohonan (Bil. dokumen:)	
10.	Kepakaran dan pengalaman dalam bidang amalan yang dibenarkan	Lihat nota panduan 5 * Perlu disediakan oleh kedua-dua firma guaman asing dan firma guaman Malaysia	
11.	Rancangan Perniagaan	Rancangan perniagaan yang menghuraikan objektif dan pelaksanaan Perkongsian Antarabangsa yang dicadangkan (sila lihat nota panduan 8)	
12.	Perjanjian bertulis	Butiran perjanjian bertulis berkaitan dengan Perkongsian Antarabangsa yang dicadangkan (lihat nota panduan 9)	
13.	Fi Permohonan	Salinan resit pembayaran fi permohonan (lihat nota panduan 14)	
14.	Polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional	Salinan polisi insurans tanggung rugi profesional menyeluruh yang dirujuk dalam perkara 2(l) borang permohonan (lihat nota panduan 11-13)	

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976
(Seksyen 40G)

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG (PELESENAN PERKONGSIAN
ANTARABANGSA DAN FIRMA GUAMAN ASING BERKELAYAKAN DAN PENDAFTARAN
PEGUAM ASING) 2014
[Kaedah 4]

BORANG B

PERMOHONAN LESEN UNTUK FIRMA GUAMAN ASING BERKELAYAKAN

Jika anda memerlukan bantuan untuk mengisi atau menyerahkan borang permohonan ini, sila rujuk nota panduan yang terdapat dalam kit permohonan ini.

BAHAGIAN A - Permohonan Lesen untuk Firma Guaman Asing Berkelayakan

(1) Butiran Firma Guaman Asing:

(a) Nama firma guaman:

.....

(b) Struktur organisasi: Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Lain-lain (sila nyatakan):

.....

(c) Alamat surat-menyurat firma induk:

.....

.....

.....

(d) No. telefon:

(e) No. faks:

(f) E-mel:

(g) Laman web:

(h) Bidang amalan undang-undang:

.....

(i) Bil. pejabat: Bidang kuasa tempatan:

Luar negara:

(j) Bil. rakan kongsi: Bidang kuasa tempatan:

Luar negara:

(k) Bil. peguam: Bidang kuasa tempatan:

Luar negara:

(l) Senaraikan dalam lampiran berasingan butiran semua peguam dalam firma guaman asing (pejabat bidang kuasa tempatan dan luar negara):

Bil.	Nama Peguam	Jawatan	Bar/Persatuan Undang-Undang & Nombor Pendaftaran	Alamat Pejabat
1.				
2.				
3.				
4.				

(2) Butiran polisi insurans tanggung rugi

Adakah firma asing mempunyai polisi insurans tanggung rugi menyeluruh yang sah dan masih laku?

Ya (sertakan butirannya di bawah)

Tidak

Jumlah yang diinsuranskan

.....

.....

.....

(Salinan polisi insurans disertakan)

(3) Butiran prosiding disiplin terhadap firma guaman asing

(a) Adakah mana-mana peguam firma ini pernah dikenakan prosiding disiplin dalam mana-mana bidang kuasa dalam tempoh 5 tahun yang lepas?

Ya (sertakan butirannya di bawah)

Tidak

.....

.....

(Salinan perintah disiplin disertakan secara berasingan)

- (b) Adakah firma menjadi pihak kepada apa-apa prosiding jenayah atau sivil yang mungkin menyebabkan prosiding disiplin boleh diambil terhadap firma dalam mana-mana bidang kuasa?

Ya (sertakan butirannya di bawah)

Tidak

.....

.....

.....

(Salinan dokumen yang berkenaan disertakan secara berasingan)

- (c) Adakah firma dilarang menjalankan urusan dalam mana-mana bidang kuasa atau adakah firma tertakluk kepada apa-apa syarat/sekatan dalam mengamalkan undang-undang akibat daripada apa-apa prosiding jenayah atau sivil yang diambil terhadapnya dalam mana-mana bidang kuasa?

Ya (sertakan butirannya di bawah)

Tidak

.....

.....

.....

(Salinan perintah mahkamah disertakan secara berasingan)

(4) Maklumat firma guaman asing berkeelayakan yang dicadangkan

- (a) Nama firma guaman asing berkeelayakan yang dicadangkan:

.....

.....

- (b) Tarikh penubuhan yang dihasratkan:

.....

(c) Alamat yang dicadangkan:

.....
.....
.....

(d) No. telefon:

(e) No. faks:

(f) E-mel:

(g) Cadangan bidang amalan yang dibenarkan:

.....
.....
.....
.....

(h) Nama rakan kongsi ekuiti yang akan bermastatutin di Malaysia tidak kurang daripada 182 hari bagi setiap tahun kalendar:

- I.
- II.
- III.

(i) Nama peguam asing dalam Firma Guaman Asing Berkelayakan yang dicadangkan dengan sekurang-kurangnya tujuh tahun kepakaran dan pengalaman dalam bidang amalan yang dibenarkan:

- I.
- II.
- III.
- IV.
- V.

- (j) Senaraikan semua butiran peguam asing dalam Firma Guaman Asing Berkelayakan yang dicadangkan (termasuk mereka yang disebut dalam perkara 4(h) dan 4(i) di atas):

Catatan: Sila pastikan bahawa permohonan untuk mendaftarkan peguam asing untuk menjalankan amalan dalam Firma Guaman Asing Berkelayakan disertakan untuk setiap peguam yang dinyatakan dalam jadual di bawah

Bil.	Nama Peguam Asing	Jawatan	Bar/Persatuan Undang-Undang & Nombor Pendaftaran
1.			
2.			
3.			
4.			

- (k) Senaraikan butiran semua peguam Malaysia dalam Firma Guaman Asing Berkelayakan yang dicadangkan:

Catatan: Sila pastikan bahawa vitae kurikulum disertakan bagi setiap peguam yang dinyatakan dalam jadual di bawah

